



TEKS UCAPAN ALUAN

OLEH:

**YANG BERUSAHA PUAN HAJAH ROHANI BINTI MD.
HASHIM, KMN
TIMBALAN KETUA PENGARAH, PLANMalaysia**

SEMPENA:

**SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA
(HPBS) 2019
PERINGKAT NEGERI PERAK**

PADA:

**11 OKTOBER 2019
BERSAMAAN 12 SAFAR 1441H**

BERTEMPAT DI:

**TAMAN AWAM GUA TOK GIRING,
LENGGONG, PERAK DARUL RIDZUAN**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera

Terima Kasih Kepada Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Darul Ridzuan

Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman

Yang Berusaha Tuan Pegawai Daerah Hulu Perak
Encik Zulhisham Bin Ahmad Shukori, PMP

Yang Berusaha Pengarah Planmalaysia@Perak
Puan Town Planner Jasmiah Binti Ismail

Selaku Penganjur Sambutan HPBS 2019 Peringkat
Negeri Perak.

Yang Berusaha Yang Dipertua Majlis Daerah
Lenggong

Encik Ahmad Suqairy Bin Alias, AMP,PPT

Semua Ketua Jabatan Dan Pegawai Peringkat
Persekutuan, Negeri dan Daerah, Pengerusi
Komuniti Kampung, Ahli-Ahli Jawatankuasa
Kampung.

Seterusnya Dato'-Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Saya Hormati Sekalian.

1. Bersyukur kita pada hari ini kerana dapat
berhimpun dan bersama-sama di Majlis
Perasmian Taman Awam Tok Giring, Lenggong
Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar
Sedunia (HPBS) 2019 peringkat Negeri Perak.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di atas kesudian Yang Berhormat untuk meluangkan masa bersama-sama kita pada pagi ini.

3. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PLANMalaysia@Perak di atas usaha-usaha yang jitu serta komitmen yang tinggi bagi memastikan penganjuran Sambutan HPBS 2019 Peringkat Negeri Perak ini dapat berjalan dengan lancar.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Dipertua, Majlis Daerah Lenggong sebagai tuan rumah dan Tuan Pegawai Daerah Hulu Perak serta

seluruh warganya yang bersama-sama berganding bahu membuat persediaan bagi menjayakan sambutan HPBS 2019 pada kali ini.

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS)

5. Untuk makluman semua, sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia akan disambut pada 8 November setiap tahun di hampir 30 buah negara di seluruh dunia. Ianya bertujuan untuk meraikan dan menghargai sumbangan perancang bandar dalam bidang perancangan dan pembangunan khususnya mewujudkan persekitaran yang sejahtera dan inklusif. HPBS ini telah menjadi agenda tahunan PLANMalaysia sejak tahun 1988 lagi dengan pemilihan tema setiap tahun yang berbeza dan disesuaikan dengan perkembangan semasa.

6. Pada tahun ini, tema yang dipilih adalah **Hijau dan Komuniti : Bersama Lebih Baik** (Green and Community: Together is Better). Tema ini berkait rapat dengan prinsip-prinsip perancangan yang terkandung di dalam **Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat** yang menjadi asas didalam aktiviti perancangan PLANMalaysia. Doktrin ini bersifat menyeluruh yang berkehendakkan perancangan dibuat dengan menitikberatkan:
- i. Hubungan antara manusia dengan pencipta;
 - ii. Hubungan manusia dengan manusia; dan
 - iii. Hubungan manusia dengan alam sekitar.

Perkataan '**Green**' iaitu hijau adalah melambangkan alam sekitar yang sering

menjadi agenda utama dalam setiap pelan pembangunan yang disediakan di peringkat negara, negeri dan tempatan.

7. Matlamat penghijauan adalah seiring dengan usaha memelihara alam sekitar yang memberi manfaat kepada kita sendiri dan generasi akan datang untuk kita menikmati persekitaran hidup yang selesa pada masa-masa akan datang. Usaha ini perlulah hadir dari diri dan komuniti sendiri agar tanggungjawab menjaga alam sekitar dapat dipikul bersama. Peranan komuniti perlulah diperkasakan dalam pengurusan alam sekitar melalui program-program penghijauan kawasan seperti penanaman pokok dan mewujudkan kebun komuniti.
8. Atas sebab itulah, tema "***Green and Community: Together is Better***" adalah

tema yang bertepatan bagi sambutan HPBS kerana kedua-dua elemen ini amat berhubung kait. Mesej tema ini amat jelas yang mana di waktu kita berusaha untuk membangun Negara kita tidak harus lupa betapa pentingnya untuk kita mengekal dan memelihara kehijauan dan persekitaran kita. Perlu kita sedari, usaha kita untuk menjadi sebuah negara maju tidak bergantung kepada berapa banyak bangunan-bangunan pencakar langit yang didirikan sebaliknya pemeliharaan alam sekitar perlu juga dititikberatkan. Dalam lain perkataan, kita akan hanya berjaya menjadi sebuah Negara maju apabila kita berupaya memastikan pembangunan fizikal dan ekonomi negara dapat dilaksanakan seiring dengan pemeliharaan alam semulajadi dan kehijauan kawasan persekitaran.

Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato'-Dato',
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

SAMBUTAN HPBS 2019

9. Majlis sambutan utama HPBS 2019 bagi peringkat kebangsaan kali ini akan diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor pada 10 November 2019. PLANMalaysia telah mengatur perancangan sambutan HPBS di setiap negeri bermula dari Negeri Perlis pada 24 September yang lalu dan disusuli dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia sehinggalah ke sambutan utama di Shah Alam. Jabatan telah mensasarkan sebanyak 3,000 batang pokok dapat ditanam di seluruh negeri melalui kolaborasi jabatan / agensi berkaitan, PBT dan komuniti setempat.

10. Untuk makluman semua, sambutan HPBS di negeri-negeri lain turut diraikan melalui aktiviti '*Green Restoration*', *community talk*, penganugerahan berkaitan alam sekitar dan sebagainya untuk memberi kesempatan kepada orang awam untuk turut serta bersama-sama melibatkan diri dan mengenali bidang perancangan bandar amnya. Berbeza pula sambutan di negeri Perak ini dengan acara perasmian Taman Awam Gua Tok Giring, Lenggong dan disertakan dengan aktiviti-aktiviti lain yang akan merapatkan silaturrahim di kalangan pelbagai komuniti di sini disamping memberi kesedaran kepada komuniti tentang kepentingan aspek kehijauan didalam kehidupan seharian mereka.

11. Adalah difahamkan projek pembangunan Taman Awam Gua Tok Giring ini merupakan

antara usaha kerajaan negeri untuk memperindahkan kawasan ini dan secara tidak langsung menyediakan ruang untuk komuniti menjalankan aktiviti rekreasi. Selain daripada kawasan yang strategik dikelilingi dengan bukit-bukit dan kehijauan pokok-pokok, komuniti Kampung Lenggong merupakan komuniti yang aktif dan atas sebab itulah kawasan Gua Tok Giring ini menjadi pilihan kerajaan negeri untuk dibina fasiliti awam untuk beriadah dan berekreasi. Inisiatif komuniti kampung menjaga dan memelihara keindahan taman awam ini walaupun berskala kecil namun memberi impak yang besar kepada masyarakat setempat. Adalah diharapkan komuniti Taman Awam Gua Tok Giring dapat melahirkan lebih ramai pencinta alam menerusi kemudahan rekreasi yang disediakan dan membawa mesej kepada ahli keluarga dan

rakan taulan masing-masing mengenai pentingnya memelihara alam sekitar dan mempertahankan kawasan hijau.

Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

PENUTUP

12. Besar maknanya bagi kami di dalam bidang tugas perancangan bandar jika apa yang dirancang menjadi realiti. Dengan kehadiran tetamu jemputan pada hari ini, terutamanya dari kalangan generasi muda memberi harapan dan keyakinan bahawa usaha perancang bandar dalam merancang pembangunan seiring dengan usaha mengekalkan persekitaran yang harmoni akan memberi

faedah yang berlipat ganda kepada generasi akan datang.

13. Akhir kata, saya berharap sambutan HPBS ini dapat diteruskan di Negeri Perak pada tahun hadapan. Ucapan tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Perak yang merupakan urusetia penganjuran sambutan HPBS 2019 peringkat negeri Perak dibantu oleh Majlis Daerah Lenggong serta Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak. Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan Negeri Perak atas kerjasama yang diberikan, agensi-agensi kerajaan negeri yang bertungkus lumus menjayakan sambutan ini, komuniti-komuniti, pihak swasta dan peserta-peserta yang hadir. Selamat Hari Perancangan Bandar Sedunia.

Sekian, wabillahitaufig walhidayah,
wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.